

10 FEB 2004

Samy-Air

NEGERI-NEGERI BOLEH URUSKAN AIR DENGAN PENGAWASAN K'JAAN PUSAT

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Negeri-negeri yang membuat keuntungan akan dibenarkan meneruskan pengurusan pengagihan bekalan air tetapi dengan pengawasan kerajaan pusat, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata hanya lima hingga enam negeri sahaja pada masa ini yang menjalankan operasi dengan membuat keuntungan dalam menyediakan bekalan air yang mencukupi kepada pengguna.

Bagi negeri-negeri di mana pengurusan air telah diswastakan dan syarikat-syarikat swasta terbabit dalam mengendalikan pengagihan air, mereka boleh meneruskannya, kata Samy Vellu kepada pemberita selepas melancarkan Pertandingan Kemahiran Malaysia ke-14 di kementeriaannya di sini.

"Di negeri-negeri di mana penswastaaan air mencatatkan kejayaan, jika ianya tidak menambah bebanan kepada kerajaan dan rakyat, kita akan membenarkan mereka untuk meneruskannya dan bukan mengambil alih daripada mereka. Bagaimanapun, mereka akan berada di bawah kawalan kerajaan persekutuan," katanya.

Ogos lepas, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan persekutuan akan mengambil alih pengurusan sumber air yang berada di bawah kawalan kerajaan negeri.

Langkah itu bagi memastikan bekalan air yang mencukupi pada sepanjang masa di semua negeri memandangkan negeri-negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kuala Lumpur menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Bagaimanapun, kerajaan persekutuan menghadapi masalah memandangkan beberapa negeri yang kaya dengan sumber air agak keberatan untuk menyerahkan sumber semulajadi mereka dan isu itu merupakan urusan negeri.

Samy Vellu berkata negeri-negeri seperti Kelantan terus menghadapi masalah air tetapi masih enggan untuk menyerahkan kuasa mereka

kepada
kerajaan persekutuan.

"Kelantan dan Terengganu pada mulanya telah bersetuju tetapi kemudiannya mengubah pandangan mereka. Saya berharap mereka akan menyerahkan pengurusan air kepada kerajaan pusat demi manfaat rakyat.

"Kelantan menghadapi banyak masalah dan mereka tidak mempunyai peruntukan untuk dibelanjakan dan membangunkan skim (air) yang baru,"
katanya.

Samy Vellu turut menarik perhatian bahawa paip-paip lama telah menghalang bekalan air yang mencukupi ke seluruh negara.

"Untuk menyediakan bekalan air yang komprehensif ke seluruh negara,
banyak paip perlu diganti. Jika kita dapat menggantikan kesemua paip ini,
kita tidak perlu membina loji (rawatan) air kerana kehilangan air yang kita
alami cukup untuk bekalan bagi tempoh lima hingga 10 tahun,"
katanya.

Kerajaan, katanya, akan membuat kajian menyeluruh sebelum mengambil
alih pentadbiran bekalan air, iaitu aset dan hutang di negeri-negeri yang
berkaitan.

Sementara itu, Samy Vellu berkata beberapa sektor seperti teknologi
maklumat, automobil dan industri teknologi berat berhadapan dengan
kekurangan pekerja mahir.

"Kita mempunyai pekerja mahir tetapi tidak cukup untuk memenuhi
permintaan pasaran," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

VP AHH RM ROS